

Teguran biarlah yang membina

DATUK Seri Dr. Mahathir membidas mereka yang membuat teguran dan kecaman bukan untuk memperbaiki apa yang mereka tegur dan kecam tetapi untuk kepentingan politik, diri atau parti.

Ini selalu kita dengar terutama dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dikata menguntungkan pihak-pihak tertentu sahaja dan, seperti kata Timbalan Perdana Menteri, kerana kegagalan agensi-agensi Kerajaan dalam kegiatan-kegiatan perniagaan.

Kata Datuk Seri Dr. Mahathir: "Semuanya tidak betul belaka tapi apa yang betul tidak pula dihuraikan. Kalau ada pun cadangan bagaimana hendak mengatasi masalah yang dihadapi oleh masyarakat Malaysia, maka cadangan ini dibuat tanpa mengambil kira kesannya bila cadangan seperti itu diamalkan oleh negeri lain."

Ini tidaklah bererti tidak ada kelemahan dalam pelaksanaan dasar Kerajaan dan Kerajaan pun sedia mengakuinya, seperti yang disebut oleh Timbalan Perdana Menteri, tetapi teguran yang dibuat hendaknya dapat membaiki kelemahan-kelemahan itu dan tidak kerana sesuatu muslihat politik atau kepentingan diri.

Malaysia tidak seperti negara-negara lain kerana ia mempunyai masalah penduduk berbilang kaum yang unik dengan kebudayaan dan kepercayaan masing-masing. Taraf hidup dan ekonomi kaum-kaum ini pula tidak sama. Hendak menyama atau mengimbangkannya bukan mudah. Hendak dibiarkan begitu sahaja pun lebih berbahaya.

Begitu pun, banyak kejayaan telah dicapai dalam langkahnya untuk membuat perimbangan itu walaupun matlamatnya masih jauh. Tetapi bagi orang yang jujur dan celik, kejayaan yang dicapai dan perubahan yang berlaku tentu dapat dilihat.

Kalau tidak tentulah orang tidak bercakap mengenai jutawan-jutawan dan taukeh-taukeh Melayu baru yang dahulu tidak pernah kendengaran perkataan seperti itu sehingga ada di antara orang Melayu sendiri iri hati. Tetapi bukan itu yang penting. Rakyat di kampung-kampung juga mengalami perubahan, walaupun belum menyeluruh. Perkara seperti inilah yang amat besar ertinya. Kalau ada pun teguran, biarlah untuk membaiki perubahan ini.